

11/08/2003

Role Model pemangkin tamadun Malaysia

Mohd Azam Rauzan

RAKYAT Malaysia amat istimewa berbanding rakyat negara lain kerana perjuangan mereka ke arah kemerdekaan dilakukan tanpa pertumpahan darah, kemusnahan harta benda atau membabitkan sebarang revolusi mahupun pemberontakan bersenjata.

Bagi generasi pejuang kemerdekaan, ia menjadi satu detik yang amat berharga. Ia membawa seribu kenangan mengenai pahit jerih untuk membebaskan negara ini walaupun kemerdekaan itu tidak diperoleh menerusi bambu runcing atau di atas titisan darah rakyat.

Namun, apakah maknanya kemerdekaan kepada generasi muda? Benarkah generasi selepas merdeka sudah lupa pada kemerdekaan? Adakah ia disambut dengan penuh semangat nasionalistik dan tekad untuk berjuang demi negara tercinta atau sekadar satu hari cuti umum untuk membolehkan mereka berpesta di Dataran Merdeka?

Pada hemat saya, majoriti generasi muda hari ini tidak lagi menyambut Hari Kemerdekaan dengan roh dan semangat perjuangan serta kesedaran untuk membaiki diri dan negara. Anak muda sekarang tidak menghayatinya dengan keinsafan untuk mempertahankan kemerdekaan yang dikecapi bersama.

Tanpa disedari, mereka merayakan Hari Kemerdekaan ini dengan minda, sikap dan budaya yang terjajah. Hari keramat ini disambut dengan budaya dan cara Barat sehingga mereka lupa akan jati diri mereka.

Sebahagian besar generasi kini sudah lupa bagaimana perjuangan ke arah kemerdekaan itu bermula. Malah, ramai antara kita (generasi muda pasca merdeka) yang tidak tahu bagaimana ia berlaku. Apa yang mereka nikmati kini adalah hasil perjuangan yang mereka sendiri tidak fahami. Kealpaan ini kalau tidak dibendung dari awal akan memamah pengisian erti kemerdekaan itu sendiri.

Akibatnya, perjuangan yang penuh pengorbanan itu hanya dilihat sebagai satu hikayat tanpa ada rasa kesedaran untuk sama-sama menghayatinya. Jika pun ada kesedaran, tetap tiada usaha untuk menghargainya.

Namun, dalam kita tercari kepastian kepada persoalan yang diutarakan, saya amat berbangga sekali dengan kemunculan beberapa anak muda Malaysia yang bersemangat waja dan berjiwa negara yang telah mengharumkan nama negara menjelang kita menyambut Hari Kemerdekaan tahun ini.

Dua berita gembira dan membanggakan rakyat Malaysia berlaku di Eropah dalam tempoh dua minggu lalu. Pertama, dari arena di Birmingham menerusi Wong Choon Han dan kedua melalui Abdul Malik Mydin di Selat Inggeris.

Choon Han mempamerkan semangat juangnya yang cukup kental sebelum kecundang dalam perlawanan akhir Kejohanan Badminton Dunia. Malik pula memenuhi impiannya berenang menyeberangi selat berkenaan.

Kedua-duanya anak muda pasca merdeka. Kedua-duanya bukan saja mencipta nama untuk diri masing-masing pada peringkat antarabangsa, malah memahatkan nama Malaysia di persada dunia.

Apa yang lebih penting di sebalik kejayaan kedua-dua anak muda ini ialah kejayaan menjadi naib juara dunia dan keupayaan menyamai rekod bangsa lain merentasi Selat Inggeris, bukannya boleh dicapai sekelip mata.

Liku-liku yang dilalui oleh Choon Han dan Malik sebelum mencipta kejayaan itu adalah kejayaan sebenar mereka. Semuanya, sepanjang persiapan masing-masing sama ada penat jerih, suka duka, pengorbanan, tekad dan semangat, yang dilalui serta dimiliki mereka, tiada tolok bandingnya.

Kedua-duanya adalah manusia biasa, sama seperti orang lain. Tapi apa yang mereka lalui dan tempuhi sepanjang merintis kejayaan itulah yang

membezakan Choon Han dan Malik daripada orang lain.

Sebelum ini, kita juga ada orang seperti Datuk Azhar Mansor dan ramai lagi yang telah mencipta nama menerusi kejayaan masing-masing.

Ketika ini pun, ada seorang lagi, Shamsurrijal Abdul Jamil, 38, anak kelahiran Pontian, Johor sedang mengembara ke 118 negara secara berseorangan dengan memandu kereta nasional.

Mereka adalah antara nama-nama yang muncul di kalangan rakyat Malaysia, kalau bukan sebagai tiang, setidak-tidaknya sebagai simbol ke arah membina ketahanan dan jati diri bangsa.

Ia juga membuktikan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukannya gagal mengubah bangsanya, seperti yang didakwa sendiri, bahkan menjadi tanda beliau sudah meletakkan landasan keyakinan baru dalam diri rakyat negara ini.

Tentulah, bukan semua orang mesti menjadi seperti nama-nama yang disebut tadi, tetapi setiap dari kita mempunyai fungsi dalam membangunkan bangsa dan negara.

Kita mungkin tidak mempunyai kekuatan untuk menyeberangi Selat Inggeris seperti Malik atau memiliki kecekapan bermain badminton seperti Choon Han, tetapi kita barangkali ada kelebihan lain untuk mencipta kejayaan dalam bidang kita.

Bayangkan, kita mampu mengeluarkan produk yang digunakan di merata dunia; mewujudkan rangkaian bisnes melampaui sempadan negara, mempunyai cawangan di banyak benua dan mencipta teknologi baru.

Matlamat menuju ke arah itu bukan untuk kekayaan diri atau kemegahan peribadi, tetapi lebih kepada sumbangan memajukan negara mengangkat martabat bangsa.

Lantaran itu, kegembiraan menyambut kemerdekaan pada hujung bulan ini seharusnya diresapi dengan rasa keinsafan bahawa kemerdekaan itu adalah mahal nilainya. Bukan mudah untuk menjadi negara berdaulat, justeru terlepas daripada belunggu penjajahan kerana negara tanpa rakyat khususnya seperti mereka yang berjiwa negara tidak akan kekal lama.

Sesungguhnya, kelahiran beberapa jaguh-jaguh `role-model' yang telah disentuh tadi diharapkan akan dapat menjadi pemangkin serta inspirasi kepada generasi muda Malaysia untuk membina satu tamadun bangsa Malaysia yang akan bakal mewarnai negara kita menjelang 2020 kelak.

- diagnosis@johordt.com